

Gedung NGO@KPWKM Untuk Selaras Usaha Bantu Golongan Sasar - Shahrizat Bernama
4 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan sekretariat khusus bagi membangunkan direktori untuk semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pertubuhan kebajikan yang bekerjasama dengannya.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata direktori komprehensif itu, Gedung NGO@ KPWKM, bertujuan menyelaraskan usaha antara NGO dan pertubuhan sukarela kebajikan yang berbeza dalam melaksanakan program pembangunan kapasiti, latihan sukarelawan serta program lain yang bersesuaian mengikut keperluan kumpulan sasaran.

"Harapan kementerian, dengan wujudnya Gedung NGO@KPWKM, ia dapat membantu mana-mana NGO yang memerlukan bantuan atau mencari tempat mengadu selain memberi maklum balas kepada kementerian terhadap mana-mana dasar supaya dapat dibawa kepada Jemaah Menteri," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (Kari1sma) di sini yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Shahrizat berkata kewujudan Gedung NGO@KPWKM akan dapat mengumpul 4,000 NGO yang menjadi rakan pintar kementerian ketika ini di bawah satu bumbung dalam usaha membantu mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649823>